

01/04/2000

Gua Musang tidak calon semua jawatan

far; Manzaidi Mohd Amin; Francis Andin; Teh Kean Kiat
KUALA LUMPUR, Jumaat - Sepuluh daripada 11 bahagian Umno yang mengadakan mesyuarat hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden.

Bahagian Gua Musang yang diketuai Tengku Razaleigh Hamzah bagaimanapun mengambil keputusan untuk tidak mencalonkan sesiapa bagi semua jawatan tertinggi parti.

Sebaliknya, 263 anggota perwakilan sebulat suara menyerahkan kepada jawatankuasa Umno bahagian itu untuk menentukan pencalonan berkenaan.

Tindakan itu bercanggah dengan keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) 6 Mac lalu yang mengarahkan semua bahagian yang akan mengadakan mesyuarat perwakilan termasuk Kubang Pasu, membuat pencalonan penuh bagi mengisi semua jawatan utama dalam parti.

Arahan itu dibuat berikutan tindakan Umno Bahagian Tawau yang hanya menamakan dua calon untuk tiga jawatan naib presiden pada mesyuaratnya 2 Mac lalu.

Pencalonan itu dianggap MT sebagai sah tetapi mahukan semua bahagian yang bermesyuarat selepas 6 Mac, membuat pencalonan penuh. Bahagian Kubang Pasu yang diketuai Dr Mahathir semalam turut membuat pencalonan penuh.

Tengku Razaleigh ketika ditemui pemberita berkata tindakan itu tidak menyalahi peraturan mesyuarat kerana perlembagaan tidak menetapkan perwakilan Umno bahagian mencalonkan mana-mana pemimpin bagi merebut jawatan yang dipertandingkan.

Sembilan bahagian yang mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah hari ini ialah Kepong (Kuala Lumpur), Kinabalu dan Keningau di Sabah; Kubang Kerian, Kota Bahru, Pengkalan Chepa, Machang dan Tumpat (Kelantan); Kulim/Bandar Baru (Kedah), dan Dungun (Terengganu).

Dengan itu, Dr Mahathir kini mengumpul 149 pencalonan manakala Abdullah 148 pencalonan. Kini tinggal 14 bahagian belum mengadakan mesyuarat dan semuanya dijangka selesai 9 April ini.

Bagi jawatan Naib Presiden, Tengku Razaleigh memperolehi enam lagi pencalonan iaitu dari bahagian Kepong, Kulim/Bandar Baru, Machang, Kota Bahru, Kubang Kerian dan Tumpat. Hanya bahagian Pengkalan Chepa - satu dari lima bahagian di Kelantan yang bermesyuarat hari ini, tidak mencalonkan Tengku Razaleigh.

Dengan itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu menerima 13 pencalonan setakat ini dan memerlukan empat lagi pencalonan bagi melayakkannya bertanding jawatan naib presiden.

Tengku Razaleigh bagaimanapun berkata beliau belum membuat keputusan berhubung jawatan naib presiden itu.

Datuk Seri Najib Tun Razak turut menerima 10 lagi pencalonan hari ini, menjadikan jumlahnya meningkat kepada 137 pencalonan.

Pencalonan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman meningkat kepada 75 termasuk empat hari ini dari Umno bahagian Kota Bahru, Pengkalan Chepa, Kulim/Bandar Baru dan Dungun manakala Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar mendapat dua lagi iaitu dari Tumpat dan Dungun, menjadikan pencalonannya bertambah kepada 50.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam memperoleh empat pencalonan hari ini iaitu dari Kinabalu, Keningau, Machang dan Kubang Kerian, menjadikan jumlah pencalonannya kepada 35.

Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib memperoleh satu

pencalonan hari ini dari bahagian Pengkalan Chepa, menjadikan jumlahnya 27 manakala Datuk Dr Rais Yatim, 21 pencalonan termasuk satu dari Kinabalu dan Tan Sri Mohd Isa Samad, 25 termasuk satu dari Keningau hari ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar masih kekal dengan 32 pencalonan, manakala Tan Sri Muhyiddin Yassin (30).